



SIARAN MEDIA YAYASAN WAQAF MALAYSIA (YWM)

SINGGAH SAHUR SANTUNI KOMUNITI MADANI : YWM BANTU 50 KELUARGA MEMERLUKAN

Melaka, 24 Mac 2025 - Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) terus komited menyantuni masyarakat menerusi **Program Singgah Sahur Santuni Komuniti Madani** di sekitar Ayer Molek, Melaka sempena **Bulan Wakaf Kebangsaan 2025**. Inisiatif ini bertujuan memastikan golongan memerlukan tidak terpinggir dalam menerima bantuan, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan

Program ini disertai oleh **YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM, bersama **YB Datuk Rahmad bin Mariman**, Exco Pendidikan Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka merangkap ADUN Ayer Molek.

Sebanyak **50 keluarga** menerima bantuan kotak makanan dengan nilai keseluruhan berjumlah **RM10,000**, dengan **5 rumah disantuni secara simbolik** oleh pimpinan yang hadir. Bantuan ini bertujuan meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan sahur dan berbuka. Selain itu, **Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)** turut menyumbang wang tunai dan **Kit Makanan Sunnah** bernilai **RM1,250** untuk setiap rumah, manakala syarikat **Azam Pandan**, iaitu katering Puteri Bay Hotel Melaka menyumbangkan makanan sahur siap masak bernilai **RM4,030**.

Selaras dengan pengumuman bahawa **bulan Ramadan adalah Bulan Wakaf Kebangsaan**, YWM terus proaktif menggerakkan program agihan wakaf bagi memastikan manfaatnya dapat dirasakan oleh semua lapisan masyarakat. Program Singgah Sahur ini merupakan siri keempat yang dilaksanakan oleh YWM sepanjang bulan Ramadan, dengan keseluruhan **RM26,000 dalam bentuk kotak makanan telah diagihkan** kepada golongan memerlukan.

Sebagai institusi yang menerajui pembangunan wakaf negara, YWM komited dalam memperkasakan fungsi wakaf sebagai instrumen kebajikan dan kesejahteraan ummah. Usaha berterusan ini mencerminkan keprihatinan YWM dalam memastikan **tiada yang tercicir daripada menerima bantuan, terutama dalam menghadapi Ramadan dan persiapan Aidilfitri**.

Turut bersama dalam program ini adalah Dr. Ridzwan bin Bakar (Ketua Pegawai Eksekutif YWM), Dato' Selamat bin Paigo (Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji - JAWHAR) dan Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil (Mufti Kerajaan Negeri Melaka).

Yayasan Waqaf Malaysia
24 Mac 2025

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Encik Aflah bin Aminudin
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-2271453 | aflah@ywm.gov.my